



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN ESG CENTRE KUALA LUMPUR
DAN TRX CITY PARK**

1 OGOS 2024

ESG CENTRE KUALA LUMPUR

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam menyempurnakan perasmian ESG Centre Kuala Lumpur dan TRX City Park.
2. Saya melihat program pada hari ini adalah satu program yang signifikan. Ini selari dengan penting visi CHASE

City yang telah saya umumkan beberapa bulan yang lalu yang mana ia melengkapkan ekosistem Pelan Bandar Pintar/“Smart City”.

PERNYATAAN MASALAH TERHADAP ESG

Para hadirin sekalian,

3. Di Malaysia, isu berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus korporat atau singkatannya ESG adalah isu yang harus diberi perhatian dalam setiap pelan pembangunan yang dilaksanakan.

4. Berdasarkan laporan Emissions Gap Report 2023 oleh United Nations Environment Program atau UNEP, pelepasan gas rumah hijau atau GHG global menunjukkan bahawa ianya telah mencapai tahap tertinggi sebanyak 57.4 gigatons CO₂ equivalent pada tahun 2022, di mana data ini telah meningkat sebanyak 1.2 peratus berbanding tahun sebelumnya dan Malaysia menyumbang kira-kira 0.7% daripadanya. Tidak dinafikan,

pembangunan yang pesat dan peningkatan kepada populasi di Kuala Lumpur juga memberi kesan kepada peningkatan dalam pelepasan karbon dan pencemaran alam sekitar.

5. Badan Iklim PBB iaitu Intergovernmental Panel on Climate Change atau IPCC menyatakan bahawa untuk mengelakkan peningkatan suhu global melebihi 1.5 darjah celcius, pelepasan karbon mesti dikurangkan sebanyak 45% menjelang 2030. Sekiranya dunia dapat mengekang kenaikan suhu ini bermakna sekitar 10 juta orang dapat diselamatkan daripada kehilangan tempat tinggal akibat kenaikan paras

laut, kurang 50 peratus penduduk dunia akan menghadapi masalah bekalan air, serta pengurangan kehilangan terumbu karang akan berkurang daripada 90 peratus kepada 70 peratus kesan terhadap kehidupan laut yang menjadi sumber makanan penting kepada manusia.

6. Seiring dengan Pelan Hala Tuju Sumbangan Nasional Yang Ditentukan atau NDC, Kerajaan telah memberi komitmen yang jelas untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG sehingga 45 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2030 seperti yang terkandung dalam Rancangan

Malaysia ke-12 dan Dasar Tenaga
Negara 2021-2040 (NEP 2040).

PERANAN DAN TINDAKAN DBKL TERKAIT ESG DI KUALA LUMPUR

Para hadirin sekalian,

7. Dunia kini semakin menyedari kepentingan ESG. Kadar pertumbuhan bagi pelaburan ESG juga semakin pesat dengan aliran pelaburan global bagi tujuan peralihan

tenaga mencecah USD 1.1 trilion. Kesedaran global ini menunjukkan bahawa pelaksanaan ESG adalah satu keperluan yang mendesak.

8. Kesemua negara anggota PBB komited untuk mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mampan atau SDG yang merangkumi ketiga-tiga aspek yang telah saya sebutkan sebentar tadi menjelang tahun 2030, 6 tahun daripada sekarang untuk mencapai memerlukan tindakan bersepadu dari semua pihak.

9. Di Kuala Lumpur, kita menghadapi keperluan mendesak untuk menguruskan karbon secara berkesan. Sebagai pusat ekonomi utama negara, kita perlu mengurangkan pelepasan karbon untuk mengelakkan pencemaran udara dan menyokong kesihatan awam.

10. Saya difahamkan, DBKL telah mengambil beberapa langkah yang proaktif dalam menangani isu ini, antaranya kerjasama strategik melalui memorandum persefahaman di antara pihak DBKL dan International Green Trends Cockpits Sdn. Bhd. untuk membangunkan Greenhouse Gas

Inventory System, mewujudkan pusat latihan yang bertauliah terkait ESG dan juga mewujudkan ESG Centre Kuala Lumpur yang akan saya rasmikan sebentar lagi. Ini adalah langkah besar ke arah kemampanan kota Kuala Lumpur.

11. Selain itu, saya difahamkan Institut Latihan DBKL juga telah mengambil inisiatif melaksanakan kursus dalam bidang kemampanan yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran dan seramai 10 orang pegawai DBKL telah lulus dan ditauliahkan Sijil Pematuhan Kemampan. Tahniah!

KEPERLUAN ESG CENTRE KUALA LUMPUR

Para hadirin sekalian,

12. Mengambil kira kesemua aspek yang telah saya sebutkan sebentar tadi, penubuhan ESG Centre Kuala Lumpur ini bertetapan masanya. Pusat ini akan menjadi pusat penyebaran

maklumat dan pendidikan mengenai inisiatif kemampanan, pengurangan karbon dan mitigasi perubahan iklim.

13. Adalah penting untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat berkaitan perkara ini memandangkan penglibatan semua pihak termasuk orang awam melalui pendekatan *whole of nation* penting dalam memastikan amalan ESG ini terlaksana dengan baik di Malaysia, khususnya di Kuala Lumpur.

14. Pusat ini juga akan berfungsi sebagai pusat rangkaian bagi perhubungan antarabangsa dan membolehkan kita untuk bekerjasama dengan pusat-pusat ESG di seluruh dunia dan dalam masa yang sama meningkatkan profil Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar rendah karbon.

15. Harapan saya juga adalah untuk melihat kerjasama erat awam-swasta, penduduk, NGO dan semua pihak ya pendidikan dan kesedaran mengenai kepentingan kemampanan ini mencapai kepada matlamat dan hasil yang optimum.

TRX CITY PARK TAMAN AWAM UTAMA PERTAMA KUALA LUMPUR

Para hadirin sekalian,

16. Pada hari ini juga, saya akan turut merasmikan TRX City Park yang merupakan taman awam utama pertama di Kuala Lumpur. Taman ini tidak hanya menyediakan ruang hijau yang luas tetapi juga memperkenalkan konsep 'taman dalam bandar' yang mengintegrasikan kehidupan bandar dengan alam semula jadi.

17. Baru-baru ini saya telah dibawa oleh pihak TRX ke taman ini dan saya berasa sangat teruja kerana di tengah-tengah kesibukan kota raya Kuala Lumpur ini, wujudnya ruang kehijauan dan segar, dan ini adalah satu yang boleh kita banggakan.

18. Lebih menakjubkan lagi, ruang penuh kehijauan ini terletak di pusat ekonomi yang pesat iaitu Tun Razak Exchange atau TRX yang diiktiraf sebagai Pusat Kewangan Antarabangsa Malaysia. Alhamdulillah dan tahniah!

19. Taman seluas 10 ekar ini bukan sahaja akan menjadi tempat rekreasi bagi warga kota tetapi juga akan memainkan peranan penting dalam usaha mitigasi perubahan iklim melalui penyediaan kawasan hijau yang menyerap karbon dan mengurangkan pencemaran udara. Dengan lokasi strategik di TRX ini, taman ini tentunya akan menjadi tarikan kepada pelancong dalam dan luar negara, sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

20. Taman ini juga diharap dapat menjadi tempat penghubung komuniti, di mana pelbagai lapisan masyarakat dapat berkumpul dan berinteraksi, menjadikan ia satu simbol perpaduan dan keharmonian, menggalakkan inklusiviti dan semangat kekitaan dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya warga ibukota Kuala Lumpur.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

21. Akhir kata, tahniah saya ucapkan kepada DBKL dan TRX atas segala inisiatif ini, khususnya dalam mencapai visi utama Wilayah Persekutuan, iaitu CHASE City.

22. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan ESG Centre Kuala Lumpur dan TRX City Park.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.